

LAMPIRAN

Lampiran A**Jadual 10 : Menunjukkan Skor-skor Bagi Setiap Subskala Kendiri Sebelum Latihan Kemahiran Sosial Diberikan**

Subjek	Sosial		Fizikal		Subskala Keluarga		Peribadi		Moral Etika	
	Item	+ve	-ve	+ve	-ve	+ve	-ve	+ve	-ve	+ve
S1	18	12	19	11	21	9	20	13	13	18
S2	16	11	20	10	16	13	18	12	14	16
S3	18	12	18	10	16	15	15	13	11	22
S4	18	9	15	13	15	10	21	10	13	15
S5	16	10	16	11	14	12	17	13	11	17
S6	19	9	15	13	15	11	18	13	16	12
S7	22	8	18	11	20	7	17	13	17	11
S8	18	11	19	12	19	11	20	9	14	16
S9	18	12	20	8	17	13	18	12	12	7
S10	26	10	22	5	19	7	20	10	15	18

Jadual 11 : Menunjukkan Skor-skor Bagi Setiap Subskala Kendiri Selepas Latihan Kemahiran Sosial Diberikan

Subjek	Sosial		Fizikal		Subskala Keluarga		Peribadi		Moral Etika	
	Item	+ve	-ve	+ve	-ve	+ve	-ve	+ve	-ve	+ve
S1	17	11	20	11	21	9	20	11	17	13
S2	20	9	20	10	18	13	19	12	17	14
S3	18	12	24	6	18	15	16	15	19	17
S4	21	9	17	14	18	14	21	10	20	22
S5	23	5	17	11	16	11	18	12	19	13
S6	21	8	16	12	19	9	21	14	18	14
S7	24	9	17	16	20	10	19	15	20	12
S8	20	14	25	10	21	10	22	10	18	16
S9	17	15	21	8	21	11	19	12	16	14
S10	18	11	24	5	20	10	20	10	19	17

SOAL SELIDIK

Arahan : Sila jawab semua soalan yang berkaitan dengan cara mengisi tempat-tempat kosong atau menandakan (/) di petak-petak yang disediakan.

1. Nama : _____
2. Umur : _____ tahun.
3. Tingkatan : _____
4. Alamat : _____
5. Bangsa : _____
6. Kegiatan masa lapang : _____
7. Bilangan adik beradik : _____ orang
8. Kedudukan dalam keluarga : _____
9. Pekerjaan bapa / penjaga : _____
10. Pekerjaan ibu : _____

11. Taraf pendidikan Bapa/ ibu / penjaga :

	Ijazah	Diploma	STPM	SPM	SRP	Sek. Ren.
--	--------	---------	------	-----	-----	-----------

Bapa	()	()	()	()	()	()
Ibu	()	()	()	()	()	()
Penjaga	()	()	()	()	()	()

12. Cita-cita : _____
13. Tokoh yang dikagumi : _____
14. Kejayaan besar yang pernah dicapai : _____

15. Kegiatan kokurikulum :

Pasukan beruniform	()	Nyatakan : _____
Kelepas / persatuan	()	_____
Permainan	()	_____

16. Jawatan pernah dipegang :

Pengerusi	()
Setiausaha	()
Bendahari	()

Ahli jawatan kuasa ()

17. Adakah anda bangga dengan pencapaian akademik anda sekarang?

Ya Tidak

Sekiranya tidak kenapa?

18. Adakah anda sering berbincang dengan rakan tentang pelajaran ?

Jarang

Kadang kala

Kerap

Sangat kerap

19. Anda selalu bertanya kepada guru tentang pelajaran kiranya tidak faham?

Ya Tidak

Jika tidak kenapa ?

Malu

Takut kepada guru

Tidak tahu macam hendak bertanya

Takut soalan bodoh

Lampiran C

INVENTORI TENNESSEE SELF-CONCEPT SCALE

Pengenalan

Kenyataan-kenyataan di bawah bukanlah suatu kajian kecerdasan atau pengetahuan. Ia hanya menerangkan diri anda mengikut pandangan dan kesesuaian anda sendiri. Oleh itu, sila jawab dengan jujur dan ikhlas. **Jangan tinggalkan sebarang kenyataan tanpa berjawab.** Isikan angka jawapan ke dalam petak yang disediakan di sebelah setiap kenyataan.

Jawapan

1. Tidak benar sama sekali (TBSS)
2. Tidak benar (TB)
3. Ada benar dan ada tidak (ABAT)
4. Benar (B)
5. Sangat benar (SB)

Contoh : Saya adalah seorang yang sangat cantik. Jika anda sangat bersetuju dengan kenyataan ini **bulatkan** angka **5** di ruang sebelah.

	TBSS	TB	ABAT	B	SB
1. Saya mempunyai badan yang sihat	1	2	3	4	5
2. Saya seorang yang menarik	1	2	3	4	5
3. Saya seorang yang tidak kemas	1	2	3	4	5

4. Saya seorang yang jujur	1	2	3	4	5
5. Saya seorang yang sentiasa riang	1	2	3	4	5
6. Saya seorang yang senang dihampiri	1	2	3	4	5
7. Bila saya menghadapi masalah keluarga saya sedia menolong	1	2	3	4	5
8. Saya adalah ahli keluarga yang bahagia	1	2	3	4	5
9. Kawan-kawan saya tidak yakin dengan saya	1	2	3	4	5
10. Saya peramah	1	2	3	4	5
11. Saya tidak berminat dengan tindak tanduk orang lain	1	2	3	4	5
12. Saya sering berbohong	1	2	3	4	5
13. Saya suka sentiasa kelihatan menarik	1	2	3	4	5
14. Badan saya selalu sakit	1	2	3	4	5
15. Saya seorang yang alim	1	2	3	4	5
16. Saya sering tidak dapat mencapai apa yang saya ingini	1	2	3	4	5
17. Saya tidak boleh mengatasi dugaan	1	2	3	4	5
18. Saya mempunyai peringkat kawalan diri yang tinggi	1	2	3	4	5
19. Saya adalah penting bagi keluarga saya	1	2	3	4	5
20. Keluarga saya tidak menyayangi saya	1	2	3	4	5
21. Keluarga saya tidak mempercayai saya	1	2	3	4	5

22. Adalah sukar berkawan dengan saya	1	2	3	4	5
23. Kadang-kadang bila saya kurang sihat, saya cepat marah	1	2	3	4	5
24. Saya tidak terlalu gemuk atau terlalu kurus	1	2	3	4	5
25. Saya berpuashati dengan rupa saya	1	2	3	4	5
26. Saya suka kalau saya dapat ubah bahagian-bahagian daripada badan saya	1	2	3	4	5
27. Saya berpuashati dengan kebolehan saya untuk melakukan apa yang benar	1	2	3	4	5
28. Saya berpuas hati tentang perhubungan dengan Tuhan	1	2	3	4	5
29. Saya patut lebih sering ke rumah ibadat	1	2	3	4	5
30. Saya berpuashati dengan diri saya seperti yang ada sekarang	1	2	3	4	5
31. Saya merasa benci terhadap diri saya	1	2	3	4	5
32. Saya berpuashati tentang perhubungan saya dengan keluarga saya	1	2	3	4	5
33. Saya harus lebih percaya kepada keluarga saya	1	2	3	4	5
34. Saya suka bergaul sebagaimana yang saya harapkan	1	2	3	4	5
35. Saya cuba untuk menyukakan hati orang lain, tetapi tidak dengan keterlaluan	1	2	3	4	5
36. Saya tidak begitu suka bergaul	1	2	3	4	5

37. Saya tidak terlalu tinggi atau terlalu pendek	1	2	3	4	5
38. Saya tidak sesihat sebagaimana sepatutnya	1	2	3	4	5
39. Saya harus mempunyai daya tarikan seks yang lebih	1	2	3	4	5
40. Saya adalah sealim yang saya rasa mencukupi	1	2	3	4	5
41. Saya ingin menjadi seorang yang lebih dipercayai	1	2	3	4	5
42. Saya tidak patut bercakap bohong	1	2	3	4	5
43. Saya adalah sependai sebagaimana yang saya harapkan	1	2	3	4	5
44. Saya bukan seperti orang yang saya ingin jadi	1	2	3	4	5
45. Saya ingin agar tidak mudah berputus asa	1	2	3	4	5
46. Saya melayan ibu bapa sekadar kemampuan saya	1	2	3	4	5
47. Saya terlalu sensatif dengan kata-kata keluarga saya	1	2	3	4	5
48. Saya harus lebih sayangkan keluarga saya	1	2	3	4	5
49. Saya harus lebih bersopan terhadap orang lain	1	2	3	4	5
50. Saya sepatutnya lebih pandai bergaul dengan orang lain	1	2	3	4	5

Lampiran D

**MODUL
LATIHAN
KEMAHIRAN SOSIAL**

Pengenalan

Kemahiran asas merupakan satu kemestian dalam zaman moden ini dan menjadi falsafah hidup bagi setiap orang. Dalam zaman teknologi ini kemahiran bersosial ini menjadi penentu kepada seseorang itu sama ada ia boleh bersaing dengan orang lain ataupun tidak. Menjurus kepada itu maka perlulah kemahiran asas ini diperolehi oleh setiap orang. Kemahiran asas boleh diperolehi melalui pembelajaran. Dalam proses komunikasi manusia seseorang itu perlulah memahami bagaimana orang lain berkomunikasi antara satu sama lain. Oleh itu, secara umumnya modul ini bertujuan untuk melatih pelajar sasaran kemahiran asas bersosial dan cuba memahami masyarakat sekitarnya.

Matlamat Modul Latihan Kemahiran Sosial

Matlamat utama modul latihan kemahiran ini adalah untuk memperbaharui:

1. Konsep kendiri pelajar secara keseluruhannya
2. Meningkatkan kemahiran sosial
3. Meningkatkan prestasi akademik

Untuk meningkatkan konsep kendiri, seseorang haruslah bersedia untuk membentuk sikap menerima diri dan sehubungan itu, kesedaran kendiri perlu ditingkatkan.

Sasaran Modul

Sasaran utama modul ini ialah kepada kumpulan sampel kajian iaitu kumpulan eksperimental. Mereka terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan tiga seramai 10 orang. Pada peringkat ini, golongan remaja merupakan golongan yang sedang mencari identiti mereka sendiri, berlakunya perkembangan fizikal yang mendadak dan mungkin juga mereka mengalami gangguan psikologikal. Keadaan ini akan mempengaruhi cara sosialisasi mereka.

Tempat

Perlaksanaan modul akan dijalankan di kawasan kajian' iaitu sebuah sekolah menengah di Kuala Lumpur.

Masa Perlaksanaan

Aktiviti modul dilaksanakan pada hari Rabu selama 6 minggu dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu setiap bahagian terdapat dua sesi pertemuan dalam tempoh kajian dilakukan.

Modul Latihan Kemahiran Sosial

Modul ini dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu:

- Pengenalan diri –
 - 1. Matlamat : a. mewujudkan kesedaran kendiri pelajar
b. pelajar dapat membuat pendedahan kendiri
 - 2. Aktiviti : a. Pengenalan oleh fasilitator
b. memperkenalkan diri dan ingat simbol rakan
c. simbol diri
d. persepsi pertama terhadap rakan
- Sosiograma keluarga –
 - 1. Matlamat : a. penerimaan kendiri
b. pendedahan kendiri
 - 2. Aktiviti : a. lukis diri anda
b. lukis gambar ibu bapa anda
c. lukis kedudukan ahli keluarga anda
d. Pembentukan matlamat
- Perhubungan dengan rakan –
 - 1. Matlamat : a. pendedahan kendiri
b. kesempurnaan kendiri
 - 2. Aktiviti : a. komunikasi sehala dan dua hala
b. kemahiran bertutur dikhallowak ramai
c. aktiviti kerjasama dalam kumpulan
d. kemampuan mengubah dan membawa perubahan

MODUL 1 : PENGENALAN DIRI

Aktiviti A : Pengenalan oleh fasilitator

- Objektif :**
- a. menerangkan tujuan modul dilaksanakan
 - b. mengharapkan pembabitan ahli dengan berkesan
 - c. Menerangkan apakah aktiviti-aktiviti yang akan dilaksanakan

Masa : 40 minit

Tempat : Bilik kaunseling

Alat : -

Langkah : -

Proses : -

Aktiviti B : Memperkenalkan diri dan mengingat nama simbol ahli

- Objektif :**
- 1. Untuk mengingat nama simbol ahli-ahli dalam kelompok dengan tepat.
 - 2. Mewujudkan kemesraan antara ahli dalam kumpulan
 - 3. Supaya setiap ahli dalam kumpulan memberi perhatian kepada rakan yang sedang bercakap.

Masa : 20 minit

Alat : -

Tempat : Bilik kaunseling (susunan kedudukan setiap ahli secara bulatan.)

Langkah :

- 1. Fasilitator mulakan aktiviti dengan memperkenalkan dirinya dengan simbol diri.
- 2. Kemudian fasilitator menunjuk kepada ahli sebelah kanan meminta dia menyebut nama fasilitator dan memperkenalkan diri dan selepas itu menunjuk ke sebelah kanan untuk menyambung aktiviti.
- 3. Ahli-ahli yang seterusnya akan berbuat demikian dengan menyebut simbol bermula daripada fasilitator hingga halah memperkenalkan dirinya sehinggalah semua ahli mendapat giliran.

Proses : Fasilitator meminta pandangan dan perasaan setiap ahli terhadap aktiviti yang telah dijalankan. Perhatian perlu diberikan kepada aspek perasaan serta pengalaman.

Aktiviti C : Simbol Diri

Aktiviti ini merupakan aktiviti berkumpulan dimana penyertaan setiap peserta diutamakan. Dalam aktiviti ini setiap ahli akan mencari satu benda yang dijadikan sebagai simbol kepada dirinya. Benda itu dapat menerangkan siapa sebenar dirinya.

Objektif :

- a. ahli-ahli dapat membuat pendedahan kendiri
- b. Ahli-ahli dapat mengenali rakan-rakan dalam kelompok dengan lebih mendalam dan menjalinkan perhubungan yang lebih mesra di kalangan ahli-ahli

Masa : 50 minit

Alat : Benda-benda maujud yang mudah didapati di kawasan sekolah.

Tempat : Bilik Kaunseling

Langkah :

1. Fasilitator menerangkan tentang simbol diri
2. Fasilitator ambil contoh sekiranya seseorang itu mengambil batu keras kemungkinan memberi makna dia seorang yang mempunyai kemahiran yang tinggi untuk mencapai kejayaan.
3. Fasilitator mengarahkan ahli kelompok keluar kelas untuk mencari benda yang menjadi simbol mereka.

Proses : Ahli-ahli dapat menyatakan tentang diri dan perasaan masing-masing di samping dapat melihat perbezaan dan persamaan yang ada pada setiap individu dalam kelompok. Ahli-ahli juga dapat memahami dan mempelajari rakan-rakannya dalam kelompok yang lebih rapat lagi. Kesediaan ahli-ahli memeriksa kritikan dan pandangan dari rakan-rakan dalam kelompok. Perkongsian maklumat diri amat penting bagi mewujudkan perhubungan interpersonal yang lebih bermakna serta menjalinkan rasa hormat-menghormati, percaya mempercayai dan tolong-menolong antara satu sama lain.

Aktiviti D : Persepsi Pertama Terhadap Rakan

Objektif	: a. melatih ahli menyatakan perasaan dan pendapat. b. ahli dapat menilai diri tentang kekurangan dan kekuatannya.
Masa	: 60 minit
Tempat	: Bilik Kaunseling.
Langkah	<ol style="list-style-type: none">1. Fasilitator menjemput salah seorang ahli berdiri di tengah-tengah kelompok.2. Fasilitator memberi arahan setiap ahli mencatat apa sahaja yang terlintas dalam fikiran selama dua minit tentang gelaran yang sesuai , pekerjaan yang sesuai dan hobi yang sesuai bagi ahli yang berdiri di tengah kelompok.3. Fasilitator mengarahkan ahli bertukar-tukar catatan. Ahli yang berdiri di tengah kelompok balik di tempat duduknya.4. Fasilitator menjemput setiap ahli membaca pencatat, dengan terlebih dahulu membaca pencatat kertas tersebut. Ahli yang berdiri di tengah kelompok di beri peluang untuk memberi respon serta menyatakan perasaannya terhadap catatan tersebut. <p>Aktiviti ini dilakukan secara bergilir-gilir oleh semua ahli.</p>
Proses	: Perlu penekanan kepada jenis kenyataan yang diberi dan bagaimana kenyataan itu dibuat. Juga tentang hubungkait apa yang diucapkan oleh ahli di tengah kelompok dengan bahasa badan (Physical expressions). Pandangan atau perasaan ahli di tengah kelompok tentang komen dan kritikan yang diberi.

MODUL 2 : SOSIOGRAM KELUARGA

Aktiviti A : Melukis Diri Anda

Objektif

- a. Mendedahkan kendiri pelajar
- b. Memberi keyakinan ahli untuk meneroka diri dengan lebih mendalam.
- c. Menanam sikap percaya kepada orang lain.
- d. Menanam semangat menghargai diri.

Masa : 60 minit

Alat : Kertas lukisan, pensil dan pensil warna.

Langkah

1. Fasilitator duduk bersama kelompok dalam satu kumpulan
2. Setiap ahli diminta menunjukkan gambar yang telah dilukis kepada kelompok.
3. Ahli lain diberi peluang untuk bertanya.
4. Aktiviti ini dibuat secara bergili-gilir

Proses : Beberapa persoalan boleh dikaitkan dalam aktiviti ini antaranya kenapa peserta memilih rajah tersebut ? apakah pemikiran-pemikiran yang terlintas ketika peserta melukis gambarnya dan adakah apa yang dilukis itu benar-benar dapat menunjukkan dirinya ?

Aktiviti B : Melukis Gambar Ibu Bapa

Dalam aktiviti ini setiap ahli akan melukis gambar ibu bapanya. Ahli-ahli bebas melukis mengikut persepsi terhadap ibu bapa masing-masing.

Objektif

- a. Melihat pola perhubungan diri ahli dengan kedua ibu bapa.
- b. Melihat penilaian diri pelajar terhadap kedua ibu bapanya. Penilaian ini adalah dari segi kasih sayang, hubungan sama ada negatif atau positif dan sebagainya.
- c. Supaya dapat melahirkan perasaan terhadap ibu bapa.

Masa : 60 minit

Tempat : Di dalam bilik darjah

Alat	:	Kertas lukisan, pen dan pensil
Langkah	:	<ol style="list-style-type: none"> 1. Fasilitator duduk bersama ahli dalam satu kumpulan. 2. Kertas diedarkan. 3. Ahli diminta melukis gambar ibu bapa secara bebas. 4. Selepas itu setiap ahli diminta menunjukkan gambar yang telah dilukis. 5. Ahli lain boleh bertanya apa-apa sahaja dan juga boleh beri komen.
Proses	:	Kenapa ahli memilih bentuk ini ? Apakah pemikiran yang terlintas ketika pelajar melukis gambar tersebut.
Aktiviti	C :	Lukis Kedudukan Anda Dan Ahli-Ahli Keluarga Anda Semasa Makan Bersama Keluarga
Objektif	:	<ol style="list-style-type: none"> a. Ahli memahami peranannya dalam keluarga b. Mengenali dengan lebih dekat pola perhubungan yang berlaku dalam keluarga c. Dapat mengenali persepsi keluarga terhadap dirinya dan persepsi dirinya terhadap keluarganya
Masa	:	60 minit
Tempat	:	Di dalam bilik tayangan sekolah
Alat	:	Kertas lukisan, pen dan pensil.
Langkah	:	<ol style="list-style-type: none"> 1. Fasilitator akan duduk bersama ahli kumpulan dalam satu kelompok 2. Kertas dan alat tulis diedarkan 3. Semua ahli diminta melukis gambar kedudukan ahli-ahli keluarganya ketika makan bersama 4. Seorang demi seorang akan diminta menunjukkan dan menerangkan gambar tersebut. 5. Ahli lain diberi peluang untuk bertanya apa sahaja dan aktiviti ini dibuat bergilir-gilir.
Proses	:	Kenapakah ahli duduk di sudut tertentu? Bagaimanakah penerimaan diri ahli terhadap keluarga-mesra, sederhana, tersisih ?

Sejauhmanakah kebebasan ahli dari segi membuat keputusan ? Dan sejauhmanakah ahli berfungsi dalam keluarga?

Aktiviti D : Harga sebuah kejayaan

- Objektif : a. Ahli dapat mengetahui bahawa untuk mencapai kejayaan memerlukan perbelanjaan yang besar.
b. Mereka juga dapat mengetahui ibu bapa terpaksa bekerja keras untuk menanggung perbelanjaan persekolahan setiap anak
c. Setiap ahli juga dapat melahirkan secara lisan rasa insaf dengan pengorbanan ibu bapa
- Tempat : Di bilik tayangan
- Alat : Lampiran 1 dan kertas pendua
- Langkah :
1. Ahli diminta menyenaraikan jumlah hari belajar yang telah dilalui sehingga kini (setahun = 200 hari belajar)
2. Fasilitator membimbing ahli untuk membuat pengiraan bagi mendapatkan jumlah hari belajar hingga kini

Skima tahun = 200 hari bersekolah
8 tahun = (dari persekolahan hingga tingkatan 1)
8 ribu x 200hari = 1600 hari

3. Ahli diberi lampiran 1
4. Fasilitator membimbing pelajar mengisi lampiran
- Proses : Persoalan utama yang perlu ditekankan di sini ialah kesedaran subjek terhadap pengorbanan ibu bapa mereka. Adakah mereka sedar atau tidak dan sekiranya sedar apakah mengorbanan mereka pula?

MODUL 3 : PERIHUBUNGAN DENGAN RAKAN

Aktiviti A : Komunikasi Sehala Dan Dua Hala

- Objektif** :
- Setiap ahli dapat memahami konsep komunikasi sehala dan dua hala
 - Ahli menyedari kepentingan komunikasi dua hala
 - Ahli menyedari bagaimana pentingnya komunikasi melalui penggunaan perkataan yang betul dan gerak geri yang sejajar
 - Ahli akan menyedari pentingnya komunikasi mendengar.
- Masa** : 60 minit
- Alat** : Dua helai kertas kosong, pensil, contoh lukisan untuk fasilitator sahaja
- Tempat** : Di Dalam bilik darjah
- Langkah** :
1. Fasilitator mengedarkan dua helai kertas kosong.
 2. Fasilitator memberi arahan kepada ahli untuk melukis.
 3. Ahli hanya dikehendaki mengikuti arahan tanpa sebarang pertanyaan.
 - a. Lukis satu bulatan
 - b. Dalam bulatan lukis tiga bulatan kecil
 - c. Atas bulatan kecil lukis sebuah bentuk segiempat
 - d. Di kanan bulatan lukis dua garis panjang dan satu bulatan
 - e. Di kiri bulatan buat dua garis panjang dan satu bulatan
 - f. Di bawah bulatan pertama lukis segiempat bujur
 - g. Di bawah segiempat bujur buat dua set garis panjang dan satu bulatan.
 4. Setelah siap melukis semua ahli diminta melukis kali kedua dengan arahan yang sama tetapi kali ini mereka dibenarkan bertanya.
 5. Setelah siap ahli diminta meletakkan kedua-dua lukisan di hadapan masing-masing.
 6. Fasilitator memamerkan lukisan contoh.
 7. Ahli diminta berbincang kenapa ada perbezaan antara lukisan pertama dan kedua yang telah dihasilkan.
- Proses** : Bagaimanakah ahli menilai proses penerimaan sesuatu mesej ? kenapakan terjadi demikian? Apakah pengajaran memberi wawasan terhadap kepentingan komunikasi ?

Aktiviti B. : Kemahiran Bertutur Di Khalayak Ramai.

Objektif	:	a. Ahli dapat mengetahui kelebihan dirinya menurut pandangan rakannya. b. Ahli dapat mencari kelebihan rakannya.
Masa	:	60 minit
Tempat	:	Di dalam bilik darjah
Langkah	:	1. Fasilitator minta ahli mencari pasangan dan mengedarkan kertas dan pensil. 2. Ahli berbincang tentang maklumat diri dan bertukar-tukar maklumat 3. Ahli menulis sebuah iklan istimewa buat rakannya 4. Di dalam kelompok, setiap ahli membaca dan menerangkan segala kebaikan kawan di mana keistimewaan kawannya dapat memberi manfaat kepada orang lain. 5. Aktiviti ini diteruskan secara bergilir-gilir sehingga pelajar yang terakhir. 6. Ahli digalakkan menyoal untuk mendapat ketetapan yang lebih jelas. 7. Peringatan : Ahli boleh cipta logo dalam lukisannya 8. Di akhir sesi fasilitator meminta pendapat ahli untuk menyatakan apakah kebaikan aktiviti ini.
Proses	:	Bagaimanakah ahli menilai pasangannya ? Apakah aspek nilai yang menjadi pilihan ahli?

Aktiviti C : Bekerjasama Dalam Kumpulan

Objektif	:	a. Mewujudkan kerjasama antara ahli b. Menyedarkan bahawa bekerjasama adalah penting bagi mencapai sesuatu matlamat
Masa	:	60 minit
Alat	:	Keratan kad manila yang boleh membentuk segiempat
Tempat	:	Di dalam bilik darjah

- Langkah :**
1. Fasilitator membahagikan ahli kepada dua kumpulan. Setiap kumpulan 5 orang ahli
 2. Fasilitator edarkan sampul surat berisi kad manila
 3. Fasilitator memberi arahan supaya setiap ahli membentuk objek 'segi empat' yang tertentu dalam masa 8 minit. Ahli-ahli dikehendaki memerhati keratan ahli-ahli lain dan digalakkan membantu ahli lain dengan memberikan bahagian keratan yang menjadi lengkap untuk membentuk segi empat. Tetapi ahli tidak dibenarkan meminta daripada ahli lain semata-mata untuk melengkapkan segi empatnya.
 4. Setelah selesai ahli diminta menceritakan pengalamannya semasa menjalankan aktiviti tadi.
 5. Fasilitator membuat rumusan dan komen berhubung dengan falsafah dan ciri-ciri penting yang terdapat dalam aktiviti.

Proses : Apakah bentuk perasaan yang terlibat dalam aktiviti tersebut ? sejauhmanakah ahli-ahli mengambil berat terhadap ahli-ahli lain? Apakah bentuk pertolongan dan kerjasama yang diberikan berdasarkan kepada 'barter trade' semata-mata (member sesuatu kerana melihat ada peluang untuk mendapat sesuatu yang dihajati.)

Aktiviti D : Kemampuan Mengubah Dan Membawa Perubahan

Objektif : Selepas mengikuti minit ini peserta-peserta dapat:
a. Memahami konsep perubahan dan pembaharuan
b. Membentuk keinginan dan sikap itu untuk sentiasa sedia dan mampu berubah

Masa : 40 minit

Alat : -

Tempat : Bilik darjah

- Langkah :**
1. Ahli diminta memberi erti dan menerangkan konsep perubahan dan pembaharuan di dalam kertas kosong
 2. Mereka diminta berbincang dan merumuskan konsep tersebut dalam kumpulan
 3. Salah seorang ahli diminta menulis kesimpulan di papan hitam
 4. Minta komen daripada ahli-ahli yang lain
 5. Setelah selesai fasilitator buat kesimpulan dan huraiyan yang lebih jelas.

Proses : Perlu tekankan konsep perubahan dan pembaharuan supaya matlamat sebenar progra, ini tercapai. Ini kerana matlamat dalam modul ini ialah pembaharuan dan perubahan ke arah yang lebih positif.

Laporan Pemerhatian Oleh Pembesar

Lampiran 1

KOS BELAJAR

Perbelanjaan	Tahunan / Harian
1. Yuran	RM ____ x 8 tahun = _____
2 Buku	RM ____ x 8 tahun = _____
3. Alat tulis	RM ____ x 8 tahun = _____
4. Tuisyen	RM ____ x 8 tahun = _____
5. Aktiviti koko	RM ____ x 8 tahun = _____
6. Tambang	RM ____ x 8 tahun = _____
7. Duit poket	RM ____ x 8 tahun = _____
<hr/>	
Jumlah	= _____
<hr/>	

* 1 tahun = 200 hari

Laporan Pemerhatian Oleh Pembimbing

Aktiviti : _____

Tarikh : _____

Masa : _____

Penilaian Modul Sesi 1

Ini bukan satu ujian. Anda dikehendaki menjawab sama ada YA atau TIDAK pada setiap kenyataan di bawah berdasarkan kepada perasaan anda setelah mengikuti aktiviti kelompok (kaunseling kelompok) dengan menandakan di ruang yang disediakan.

	YA	TIDAK
1. Saya dapat mengenali dan mengingat simbol diri rakan-rakan		
2. Saya dapat mengujudkan kemesraan dengan rakan-rakan		
3. Saya dapat memberi perhatian penuh kepada percakapan rakan-rakan dalam kelompok		
4. Saya rasa yakin untuk berbincang tentang perasaan dan pendapat saya dengan rakan-rakan		
5. Saya dapat rasakan kekurangan dan kekuatan sebenar yang ada pada diri saya		
6. Saya boleh menerima kritikan dan pandangan orang lain		
7. Saya bersedia berkongsi maklumat dengan rakan		
8. Saya boleh mempercayai orang lain		
9. Saya sayang diri saya.		
10. Dengan kekuatan yang dibina dalam aktiviti ini saya yakin boleh membantu membaiki kelemahan akademik saya		

Penilaian Modul Sesi 2

Ini bukan satu ujian. Anda dikehendaki menjawab samada **YA** atau **TIDAK** pada setiap kenyataan di bawah berdasarkan kepada perasaan anda setelah mengikuti aktiviti kelompok (kaunseling kelompok) dengan menandakan di ruang yang disediakan.

	YA	TIDAK
1. Hubungan saya dengan keluarga baik		
2. Saya tidak dihargai dalam keluarga		
3. Saya bebas mengeluarkan pendapat dan perasaan kepada keluarga saya		
4. Saya tidak memahami pola perhubungan dalam keluarga		
5. Saya tidak berfungsi dalam keluarga		
6. Keluarga saya kurang mempunyai hubungan yang Baik		
7. Keluarga saya saling memahami antara satu sama Lain		
8. Saya sering mendapat bantuan daripada keluarga apabila menghadapi masalah dalam pelajaran		
9. Keluarga saya amat mementingkan pelajaran		
10. Keluarga saya kecewa dengan saya kerana saya tidak pandai		

Penilaian Modul Sesi 3

Ini bukan satu ujian. Anda Dikekehndaki menjawab samada **YA** atau **TIDAK** pada setiap kenyataan di bawah berdasarkan kepada perasaan anda setelah mengikuti aktiviti kelompok (kaunseling kelompok) dengan menandakan di ruang yang disediakan.

	YA	TIDAK
1. Saya dapat mewujudkan kemesraan dengan rakan		
2. Saya seorang rakan yang mudah didampingi		
3. Pendapat saya selalu diterima oleh rakan		
4. Saya bersedia menerima kritikan daripada rakan		
5. Saya bersedia berbincang dengan rakan tentang pelajaran		
6. Saya percaya rakan-rakan saya boleh membantu saya dalam pelajaran		
7. Saya suka berbincang soal pelajaran dengan rakan		
8. Saya rasa sering menganggu rakan kalau selalu bertanya		
9. Saya tidak berfungsi berbanding rakan-rakan yang lain di dalam kelas		
10. Saya boleh bercakap di khalayak ramai dengan berani dan yakin		

***SURAT-SURAT
KEBENARAN***



BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN
DASAR PENDIDIKAN (BPPDP),
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
PARAS 2,3 & 5, BLOK J
PUSAT BANDAR DAMANSARA,
50604 KUALA LUMPUR.

Telefon : 03-2583204
Faks : 03-2554960

Ruj. Kami : KP(BPPDP) 13/15Jld.50 (1026)
Tarikh : 25 OGOS 1999

Puan Nor Rul Azlifah Zulkafali
SMK Padang Tembak
Jalan Semarak
54100 Kuala Lumpur

Tuan/Puan,

Kebenaran Untuk Menjalankan Kajian Di Sekolah-Sekolah, Maktab-Maktab
Perguruan, Jabatan-Jabatan Pendidikan Dan Bahagian-Bahagian Di Bawah
Kementerian Pendidikan Malaysia

Adalah saya dengan hormatnya diarah memaklumkan bahawa permohonan
tuan/puan untuk menjalankan kajian bertajuk:

"Kesan Latihan Kemahiran Sosial Terhadap Kendiri Pelajar Lemah
Akademik : Satu Kajian Kulalitatif"

telah diluluskan.

2. Kelulusan ini adalah berdasarkan apa yang terkandung di dalam cadangan
penyelidikan yang tuan/puan kemukakan ke Bahagian ini. Kebenaran bagi
menggunakan sampel kajian perlu diperolehi daripada Ketua Bahagian/Pengarah
Pendidikan negeri yang berkenaan. Sila kemukakan ke Bahagian ini senaskah
laporan kajian tuan/puan setelah ia selesai kelak.

Sekian untuk makluman dan tindakan tuan/puan selanjutnya. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(DR. AMIR BIN MOHD SALLEH)

b.p. Pengarah,
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan,
Kementerian Pendidikan Malaysia.



JABATAN PENDIDIKAN
WILAYAH PERSEKUTUAN,
JALAN RAJA MUDA ABDUL AZIZ,
50300 KUALA LUMPUR.

Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan
Bangunan Anjung Felida
Jalan Maktab Off Jalan Semarak
68604 Kuala Lumpur

Telefon: 29190-

1 JULAI 1999

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: JPWP 12-21/ Jilid.3/(3)

Tarikh:

Puan Nor Rul Azlifah Zulkafali
SMK Padang Tembak
Jalan Semarak
54100 KUALA LUMPUR

Tuan,

**KEBENARAN MENJALANKAN KAJIAN DI SEKOLAH- SEKOLAH
MENENGAH KUALA LUMPUR.**

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa permohonan puan untuk menjalankan kajian mengenai:-

**"Kesan Latihan Kemahiran Sosial Terhadap Kendiri Pelajar Lemah Akademik :
Satu kajian Kualitatif"**

adalah diluluskan tertakluk kepada syarat-syarat berikut :-

- a) Kelulusan ini adalah berdasarkan kepada hanya apa yang terkandung di dalam 'sampel kajian' yang diluluskan oleh Kementerian Pendidikan dan Jabatan ini sahaja.
- b) Tuan dikehendaki mengemukakan senaskah ' sampel kajian ' dan hasil kajian tuan ke Jabatan ini sebaik sahaja selesai kelak.
- c) Sila kemukakan surat kebenaran ini ketika berurus dengan Pengetua sekolah yang berkenaan.
- d) Tidak melibatkan pelajar-pelajar yang menghadapi peperiksaan.
- e) Surat kebenaran ini berkuatkuasa hingga 30 April 2000

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,

(Signature of Che Ani Bin Omar)
(CHE ANI BIN OMAR),
Ketua Penolong Pengarah,
Unit Perhubungan, Pendaftaran dan Pend. Swasta,
b.p. Pengarah Pendidikan Wilayah Persekutuan
Kuala Lumpur.

s.k. 1. Fail Timbul